

2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
www.hasil.gov.my

PENCEN

Bayaran yang diterima oleh pesara kerana persaraan

KATEGORI PENCEN

- Capai umur persaraan
- Disebabkan keuzuran / sakit
- Meninggal dunia (pencen diterima oleh balu, anak atau saudara tanggungan)

PENCEN YANG DIKENAKAN CUKAI

- Daripada tabung pencen yang tidak diluluskan
 - ✓ Skim pencen bukan kerajaan perlu mendapat kelulusan LHDNM untuk pengecualian cukai atas pencen yang diterima oleh pekerja setelah bersara
- Menerima lebih daripada satu pencen (Akta Cukai Pendapatan 1967, Para 30 Jadual 6)
 - ✓ Pengecualian diberikan ke atas amaun pencen yang tertinggi
- Bersara sebelum mencapai umur persaraan wajib

PENDAPATAN PESARA YANG DIKENAKAN CUKAI

- Pendapatan perniagaan
- Pendapatan penggajian
- Pendapatan dividen, faedah dan diskaun
- Pendapatan sewa, royalti dan premium
- Anuiti dan bayaran berkala yang diterima
- Pendapatan lain

BERSARA SECARA PILIHAN

Jika pekerja memilih bersara secara pilihan sebelum umur wajib bersara (55 tahun) atau bersara tidak disebabkan keuzuran / sakit, pencen yang diterima adalah dikenakan cukai sehingga mencapai umur 55 tahun

TANGGUNGJAWAB SEBELUM BERSARA

- Kemaskini fail cukai pendapatan
- Kemukakan salinan CP21 / CP22A / CP22B yang lengkap diisi oleh majikan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan

TANGGUNGJAWAB SELEPAS BERSARA

Pesara masih mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan pendapatan dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan jika:

- Menerima pendapatan lain yang dikenakan cukai
- Sehingga pada tahun taksiran dimana persaraan itu berlaku

KELAYAKAN DAN SYARAT PENCEN YANG DIKECUALIKAN CUKAI

KELAYAKAN	SYARAT
Capai umur persaraan wajib	<ul style="list-style-type: none"> • 55 tahun atau tertakluk kepada undang-undang bertulis
Pencen disebabkan keuzuran / sakit	<ul style="list-style-type: none"> • Disahkan oleh Lembaga Perubatan
Pencen kecederaan dan cacat anggota	<ul style="list-style-type: none"> • Khas untuk pasukan keselamatan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Alami kecederaan / kecacatan semasa bertugas ✓ Pencen yang diterima oleh balu / tanggungan
Pencen balu dan anak-anak yatim	<ul style="list-style-type: none"> • Dibayar oleh mana-mana skim pencen yang diluluskan
Pencen-pencen politik	<ul style="list-style-type: none"> • Capai umur 55 tahun • Berhenti disebabkan keuzuran